

17/08/2001

Puisi Samad jadi acara kemuncak

Salbiah Ani

PUI SI Bicara Dengan Teman Lama karya Bapa Kewartawanan Malaysia yang juga penerima Anugerah Ramon Magsaysay, Tan Sri A Samad Ismail, akan menjadi acara kemuncak pada majlis Malam Deklamasi Angkasapuri 2001, pada 2 September ini.

Samad berkata, pelopor lagu puisi di Malaysia, Ibrahim Bachik, sudah mendapatkan izin secara bertulis daripadanya bagi melagukan puisi itu dan menjemputnya untuk hadir sama pada majlis terbabit.

"Saya mempunyai hubungan baik dengan beliau. Ibrahim sememangnya meminati karya saya. Seperti orang sekarang yang memilih individu menjadi model ikutannya, Ibrahim memilih saya," katanya, baru-baru ini.

Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dengan kerjasama Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) yang kali pertama diadakan tahun ini akan dijadikan sebagai acara tahunan.

Sastera dan Budaya diberitahu, Bicara Dengan Teman Lama berkisar kepada masalah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebelum tercetusnya krisis bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Puisi panjang ini pernah saya deklamasikan pada Malam Deklamasi Puisi Kemerdekaan di Balai Berita pada 27 Ogos 1996 dan satu majlis di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Bicara Dengan Teman Lama juga saya terjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan pernah disiarkan akhbar New Straits Times, tetapi saya lupa tarikhnya.

"Sebahagian besar pemuda Melayu datang dari luar bandar manakala pemuda Cina tinggal di bandar. Jadi mereka lebih dekat kepada tamadun selain pengalaman penjajahan berbeza sekalipun kedua-dua bangsa ini dijajah Inggeris," katanya.

Beberapa puisi yang turut dideklamasikan dan dilagukan pada majlis itu ialah Sese kali dan Puisi Warga Malaysia karya Lim Swee Tin, Katakan Padaku (Latiff Mohidin), Aku Anak Kroni (Prof Madya Rahman Shaari) dan Berkolek Bersajak (JM Aziz).

Tidak ketinggalan Sekepal Tanah karya Rahimidin Zahari, Dabus Rohani (Khalid Salleh), Tetamu Senja (A Samad Said), Altar Akhir (Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail) dan Taman Rohani (A Samad Said). Turut dideklamasikan, Gebung Gedebang (Zaini Ozea), Melayu Mudah Lupa (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Permata Untuk Isteri (Aziz HM).

Ditanya apakah puisi relevan pada era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), katanya, apa juga tetap sesuai jika ia selari dengan aspirasi rakyat negara ini.

"Jika sasarannya adalah pelajar, puisi yang dilahirkan mesti memenuhi cita rasa pelajar hari ini yang jauh berbeza daripada dulu. Mereka banyak memberontak kerana banyak dipendamkan di dalam hati," katanya.

Samad berkata, pemuda Melayu hari ini berdepan dengan pelbagai masalah kerana mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan globalisasi, perubahan sosial dan politik yang berlaku terlalu cepat.